

21/06/2001

Larangan kontrak tidak dimasukkan dalam Perlembagaan

LARANGAN tidak membenarkan ketua bahagian mendapatkan kontrak kerajaan tidak akan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Umno kerana arahan Majlis Tertinggi (MT) sudah pasti dipatuhi setiap ahli.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pada masa yang sama MT akan mengawasi keadaan dan memastikan arah tuju perjuangan ahli tidak lagi tersasar daripada landasan sebenar.

Beliau berkata, Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berulang kali menyebut pentingnya ahli Umno memberi perhatian kepada perjuangan demi bangsa.

"Kerana itu, MT mengarahkan supaya ketua-ketua bahagian tidak lagi diberi kontrak kerajaan.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh menghalang mereka sekiranya mereka hendak berniaga, tetapi mereka hanya boleh melakukan kontrak swasta.

"Kita mahu supaya jangan dalam perjuangan, kita tidak terlalu terpesong dan memberi perhatian kepada keuntungan perniagaan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan serentak Persidangan Agung Pemuda dan Wanita Umno.

(END)